



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MARA UMUM KEPUTUSAN KEMASUKAN MRSM 2019**

**4 JANUARI 2019**

---

MARA telah pun mengumumkan keputusan kemasukan pelajar ke MRSM bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 pada 21 Disember 2018 dan 28 Disember 2018 yang lalu secara dalam talian. Pelajar yang berjaya perlu membuat pengesahan penerimaan dalam masa 7 hari dari tarikh pengumuman. Pendaftaran masuk ke MRSM akan diadakan serentak pada 14 Januari 2019 (Isnin) dengan kuota maksimum seramai 7,760 bagi Tingkatan 1 dan 2,245 tempat bagi Tingkatan 4.

Setakat ini, seramai 6,606 orang pelajar telah pun mengesahkan penerimaan tawaran masuk ke Tingkatan 1 dengan jumlah pelajar dari keluarga berpendapatan rendah B40 seramai 4,492 orang iaitu sebanyak 68%. Manakala untuk Tingkatan 4, seramai 1,522 orang pelajar telah pun mengesahkan penerimaan tawaran dengan 978 pelajar iaitu 64% dari keluarga B40. Pada pengambilan tahun 2018, jumlah pelajar dari keluarga B40 sebanyak 44%, M40 sebanyak 28% dan T20 sebanyak 28%. Peningkatan sebanyak 26% bagi keluarga B40 telah membuktikan komitmen Kementerian terhadap pendidikan rakyat terbanyak.

Pemohon yang tidak berjaya boleh membuat rayuan secara dalam talian dan keputusan pengambilan seterusnya akan diumumkan secara berperingkat sehingga Februari 2019.

Pihak Kementerian dan MARA memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar dari keluarga miskin tegar yang terpaksa menolak tawaran ke MRSM akibat daripada masalah kekangan kewangan. Sejalan dengan polisi Kementerian memberi keutamaan kepada pelajar yang benar-benar memerlukan bantuan, program bantuan khas yang dikenali sebagai BUDI akan diperluaskan. Para pelajar yang benar-benar layak akan dipilih berdasarkan penilaian dan kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh MARA. Bagi sesi pengambilan 2019, MARA mensasarkan seramai 500 orang pelajar untuk program BUDI di seluruh negara. Bantuan yang diberikan meliputi bantuan kewangan, keperluan asas persekolahan dan aktiviti pembelajaran yang dibiayai oleh pihak MARA atau penaja.

Pihak Kementerian dan MARA mengucapkan setinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat korporat dan badan zakat yang telah bersetuju menjadi penaja program BUDI untuk sesi pengajian tahun hadapan. MARA turut mengalu-alukan syarikat korporat lain yang ingin bersama menyumbang bagi membangunkan modal insan negara di masa akan datang.

Pihak kementerian dan MARA juga ingin memaklumkan penerusan dasar pengambilan 10% pelajar bukan Bumiputera bagi setiap MRSM dengan turut memberi keutamaan kepada pelajar dari golongan B40.

Setakat ini Seramai 538 pelajar bukan bumiputra telah pun mengesahkan penerimaan tawaran. Melalui pendekatan ini, ia akan mengukuhkan pelaksanaan integrasi nasional dalam sistem pendidikan MARA di samping mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan pelajar.

Pemohon boleh menyemak keputusan kemasukan di Portal Rasmi MARA melalui pautan [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my).

**YB Datuk Seri Rina Mohd Harun**  
**Menteri Pembangunan Luar Bandar**  
**3 Januari 2019**